

Perisian komputer pakaian Melayu

Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memperkenalkan perisian komputer untuk mereka bentuk pola pakaian Melayu tradisional bagi memastikan industri fesyen lebih berdaya saing.

Felo Penyelidik Kanan (Pakaian dan Teks-til) Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM, Prof Madya Dr Haziyah Husin, berkata perisian pola berkomputer yang pertama diwujudkan di negara ini mampu memberi pembaharuan dalam industri fesyen busana tradisi.

Katanya, inovasi pembangunan perisian komputer itu yang dikenali sebagai Pembinaan Protokol Reka Bentuk Busana Melayu itu relevan seiring dengan permintaan dan perkembangan dunia teknologi terkini.

“Saya mencipta perisian ini selepas melihat rekaan fesyen dan pasaran dalam industri berkaitan semakin suram.

“Saya berharap perisian ini membuka landasan rekaan fesyen komersial dan dikenali ke mata dunia,” katanya pada majlis pelancaran perisian Pembinaan Protokol Reka Bentuk Busana Melayu, di UKM, Bangi, semalam.